



PERATURAN-PERATURAN KHAIRAT KEMATIAN SURAU AL-HIDAYAH



HAK CIPTA TERPELIHARA

Surau Al-Hidayah Taman Sri Endah
Bandar Baru Seri Petaling
57000 Kuala Lumpur

EDISI KEDUA VERSI 2019-2021

Disuareka oleh:
Hj Azahidi Hj Azaraai

Disahkan oleh:
Pengerusi KKSAAH

PERATURAN-PERATURAN

**KHAIRAT KEMATIAN SURAU AL-HIDAYAH
(KKSAAH)**

**TAMAN SRI ENDAH,
BANDAR BARU SERI PETALING, KUALA LUMPUR**

PERATURAN-PERATURAN

KHAIRAT KEMATIAN SURAU AL-HIDAYAH (Kksah)

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

FASAL 1	NAMA	1
FASAL 2	ALAMAT PEJABAT URUSAN	1
FASAL 3	TUJUAN	1
FASAL 4	KEAHLIAN	1-2
FASAL 5	YURAN TAHUNAN	2 - 3
FASAL 6	BANTUAN KEWANGAN ATAS KEMATIAN	3
FASAL 7	SYARAT BANTUAN	3
FASAL 8	PENTADBIRAN	4
FASAL 9	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA Kksah	4 - 5 -6
FASAL 10	MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN	6
FASAL 11	MESYUARAT JAWATAN KUASA KECIL	6
FASAL 12	PEMERIKSA KIRA-KIRA	7
FASAL 13	PERKARA AM	7 - 8
FASAL 14	TAFSIRAN	8
FASAL 15	PINDAAN PERATURAN -PERATURAN	8
FASAL 16	PERTUKARAN NAMA Kksah	9
FASAL 17	PEMBUBARAN	9
FASAL 18	ASET DAN PEMEGANG AMANAH	9

PERATURAN-PERATURAN

**KHAIRAT KEMATIAN SURAU AL-HIDAYAH (KKSAH),
TAMAN SRI ENDAH, BANDAR BARU SRI PETALING, KUALA LUMPUR
(JAWI.K.100-3/8/PZN 5 JLD 3 ())**

FASAL 1 NAMA

Nama entiti ini ialah Khairat Kematian Surau Al-Hidayah (KKSAH), Taman Sri Endah, Bandar Baru Seri Petaling, Kuala Lumpur. Selepas ini disebut sebagai **KHAIRAT KEMATIAN SURAU AL-HIDAYAH atau KKSAH.**

FASAL 2 ALAMAT PEJABAT URUSAN

Alamat Pejabat Urusan KKSAH ialah di Surau Al-Hidayah, Jalan 5/149B, Taman Sri Endah, Bandar Baru Seri Petaling, 57000, Kuala Lumpur atau tempat-tempat lain yang akan ditetapkan dari masa ke semasa oleh Ahli Jawatankuasa KKSAH

FASAL 3 TUJUAN

Tujuan KKSAH ditubuhkan adalah untuk:

Memberi bantuan kewangan kepada ahli-ahli atau tanggungan ahli apabila berlaku kematian, dan

Membantu mengelolakan pengurusan jenazah serta hal-hal yang berkaitan.

FASAL 4 KEAHLIAN

- 4.1 Keahlian KKSAH adalah terbuka kepada penduduk beragama Islam, warganegara Malaysia dan penduduk tetap Malaysia yang menetap di Bandar Baru Seri Petaling, Kuala Lumpur dan sekitarnya, **berumur 18 tahun ke atas.**
- 4.2 Sesiapa yang ingin menjadi ahli hendaklah memohon dengan menggunakan Borang Permohonan Menjadi Ahli yang boleh diperolehi daripada Setiausaha KKSAH. Setelah pendaftaran disempurnakan dan lengkap besertakan dengan bayaran maka borang tersebut hendaklah diserahkan kembali kepada Setiausaha KKSAH.
- 4.3 Mesyuarat Jawatankuasa kecil KKSAH berkuasa meluluskan atau menolak mana-mana permohonan yang bermasalah.

- 4.4 (a) Tanggungan adalah isteri /suami, ibu dan bapa kandung, ibu dan bapa mertua, datuk, nenek, abang, kakak, anak-anak yang belum berkahwin dan anak-anak yang cacat (OKU) yang tinggal bersama-sama dengan ahli.
- (b) Tanggungan ahli yang telah berkahwin, akan gugur secara otomatis, menjadi tanggungan ahli. Beliau perlu memohon menjadi ahli baharu KKSAH.
- 4.5 Terdapat dua jenis skim:-
- 4.5.1 **Skim Ahli Biasa**- Pendaftaran (Wang Caruman) ahli sebanyak RM50.00 dan yuran tahunan sebanyak RM50.00 setahun. Jumlah bayaran untuk menjadi ahli ialah **RM100.00**(Pindaan 2013)
- 4.5.2 **Skim Ahli Sepanjang Hayat (ASH)**- Dikecualikan dari membayar wang caruman dan yuran tahunan sepanjang hayat.
- a) Umur 60 tahun keatas – RM 500.00
 - b) Umur 50 hingga 59 tahun – RM 750.00
 - c) Umur 40 hingga 49 tahun – RM1,000.00
- 4.5.3 Tanggungan ahli, jika ingin memohon menjadi ahli dikehendaki memilih samaada menjadi ahli atau tanggungan dan bukan kedua-duanya sekali.

FASAL 5 YURAN TAHUNAN

- 5.1(1) Setiap ahli **bertanggungjawab** dan perlu memastikan dia membayar yuran tahunan sebanyak RM50.00 pada/sebelum **31 Januari** tahun berkenaan. Yuran tahunan boleh dibayar melalui Wakil Zon/ Bank-in terus ke akaun Bank Islam bernombor **14238 01000 2305** atas nama **Surau Al-Hidayah**. Bank Advice Slip hendaklah dimajukan/WA kepada Wakil Zon/ Setiausaha KKSAH dengan **menyatakan Nama, No. HP dan No. Ahli**. Resit bayaran akan dikeluarkan kepada Ahli tanda pengesahan pembayaran. Mana-mana ahli yang gagal membayar yuran tahunan dengan sendirinya terbatal menjadi ahli. KKSAH tidak akan mengeluarkan sebarang notis peringatan kepada ahli yang tertunggak pembayaran yuran keahliannya.
- 5.1(2) Mana-mana ahli yang telah digugurkan keahliannya disebabkan gagal membayar yuran tahunan boleh dipertimbangkan menjadi ahli semula dengan syarat:-
- 1. Dia perlu mengisi borang permohonan seperti memohon menjadi ahli baharu.
 - 2. Perlu membayar **fi berjumlah RM 150.00**
 - 3. Didaftar dengan nombor keahlian baharu.
 - 4. AJK KKSAH mempunyai budibicara samada menerima atau menolak permohonan menjadi ahli semula tanpa prejudis.

- 5.2 Semua kutipan wang KKSAH akan dimasukkan ke dalam **Bank Islam Bandar Baru Seri Petaling** atau mana-mana **bank islamik** di Malaysia.
- 5.3 Hanya AJK dan/atau wakil zon yang terpilih oleh ahli pada Mesyuarat Agung TRI Tahunan (MATRI) dan telah dilantik dengan rasmi oleh AJK KKSAH, diberi kuasa dan dibenarkan untuk mengutip sebarang yuran atau sebarang kutipan wang daripada mana-mana ahli, bagi pihak KKSAH.

FASAL 6 BANTUAN KEWANGAN ATAS KEMATIAN

- 6.1 Bantuan wang akan dikeluarkan apabila berlaku kematian seperti dibawah ini:-
- (a) **Kematian ahli** - **RM 2,000.00**
 - (b) **Atas kematian tanggungan ahli** - **RM 1,500.00**
- yang didaftarkan seperti yang tercatat dalam Borang Menjadi Ahli/Buku Daftar Ahli.**
- 6.2 Jika sekiranya berlaku jumlah **Bantuan Khairat Kematian** melebihi **Yuran Tahunan Ahli** pada tahun berkenaan, ahli-ahli dikehendaki membayar wang perbezaan antara keduanya ini.

FASAL 7 SYARAT BANTUAN

- 7.1 Bantuan kematian akan dibayar dengan sertamerta atas kematian ahli dan mana-mana tanggungan ahli yang namanya ada di dalam daftar yang disimpan oleh Setiausaha KKSAH. Ahli **bertanggungjawab mengemaskini senarai tanggungan dari masa kesemasa** kepada Setiausaha KKSAH. Ahli /waris hendaklah mengemukakan **salinan Sijil Pengebumian dan salinan Sijil Kematian yang sah** kepada Setiausaha atau Bendahari KKSAH sebaik sahaja diterima daripada pihak berkuasa. Bagi kematian tanggungan, bantuan akan dibayar kepada ahli dan bagi kematian ahli sendiri, bantuan akan dibayar kepada waris (penama) yang terdaftar sahaja.
- 7.2 Bagi kematian tanggungan, bantuan akan dibayar kepada seorang ahli sahaja.
- 7.3 Bagi para **ahli/waris yang meminta KKSAH menguruskan jenazah** ahli/tanggungan mereka, **segala kos pengurusan jenazah** tersebut **akan dipotong daripada wang bantuan khairat** yang akan diterima oleh ahli/waris, berdasarkan **senarai kos pengurusan jenazah** yang telah ditetapkan oleh KKSAH.

FASAL 8 PENTADBIRAN

- 8.1 **Pengerusi Surau Al-Hidayah adalah ahli ex-officio** jawatankuasa kecil KKSAH.
- 8.2 Ahli-ahli Jawatankuasa kecil KKSAH ini mengandungi :
- 8.2.1 Penasihat 1
 - 8.2.2 Penasihat 2
 - 8.2.3 Penasihat 3
 - 8.2.4 Pengerusi
 - 8.2.5 Timbalan Pengerusi
 - 8.2.6 Setiausaha
 - 8.2.7 Penolong Setiausaha
 - 8.2.8 Bendahari
 - 8.2.9 Penolong Bendahari
 - 8.2.10 Dua orang Pemeriksa Kira-Kira
 - 8.2.11 Wakil-wakil Zon di Bandar Baru Seri Petaling dan sekitarnya.
- 8.3 Semua Ahli Jawatankuasa kecil KKSAH mestilah warganegara Malaysia, **tidak atau sedang muflis** semasa lantikan atau sepanjang tempoh atau pada bila-bila masa menyandang jawatan ahli jawatankuasa KKSAH. **Jika penyandang dimuflikan oleh Jabatan Insolvensi maka lantikannya sebagai ahli jawatankuasa KKSAH akan terlucut secara automatik dengan sertamerta.**
- 8.4 **Peruntukan perbelanjaan mengurus KKSAH adalah berdasarkan bajet dan/atau bajet tambahan yang diluluskan ahli pada Mesyuarat Agung TRI Tahunan atau pada mana mesyuarat khas yang dipanggil AJK KKSAH.**
- 8.5 KKSAH boleh mengambil langkah perlu menambah nilai kepada sebahagian wang ahli melalui **simpanan tetap bank**, pembelian saham, hartanah dan lain-lain cara yang difikirkan wajar dan patuh syariah.

FASAL 9 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA KECIL KKSAH

- 9.1 Pengerusi KKSAH hendaklah menjadi Pengerusi di dalam segala Mesyuarat Jawatankuasa Kecil dan Mesyuarat Agung TRI Tahunan.
- 9.2 Timbalan Pengerusi KKSAH akan membantu Pengerusi KKSAH **menyelia urusan pentadbiran KKSAH**. Dalam masa ketiadaan Pengerusi KKSAH, Timbalan Pengerusi KKSAH akan mempengerusi mesyuarat dan juga menjalankan tugas Pengerusi KKSAH.

9.3 Setiausaha KKSAH akan menguruskan segala surat mesyuarat bagi pihak KKSAH, menyimpan segala peringatan-peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil dan Mesyuarat Agung TRI Tahunan, menjaga buku-buku peringatan tentang perjalanan KKSAH, mengadakan buku daftar bagi ahli-ahli dan menjalankan tugas lain yang patut diselenggarakan oleh Setiausaha. Buku daftar ahli hendaklah mengandungi butir-butir seperti berikut :

No Ahli	Nama Ahli	Tarikh Menjadi Ahli	Umur/ Tarikh	No.kad Pengenalan/ Passport	Alamat	Pekerjaan	Nama-nama Tanggungan	Nama Waris	No H/P
---------	-----------	---------------------	--------------	-----------------------------	--------	-----------	----------------------	------------	--------

9.4 Penolong Setiausaha KKSAH akan membantu Setiausaha KKSAH dalam menjalankan kerja-kerjanya.

9.5 Bendahari KKSAH akan memungut segala

- (i) Wang Caruman.
- (ii) Yuran Tahunan.
- (iii) Derma / Sumbangan, menyimpan buku yuran dan buku kira-kira wang masuk dan keluar serta menyediakan perkara-perkara berikut :
 - (a) Penyata Kira-kira bulanan.
 - (b) Penyata Kira-kira Tahunan yang bermula dari 1hb Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun. Penyata Kira-kira ini hendaklah diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik dalam Mesyuarat Tahunan.
 - (c) Bendahari hendaklah menyediakn dan mengedar penyata kewangan KKSAH setiap suku tahun (4 kali) kepada pihak JAWI.
 - (d) Menyimpan rekod segala penyata akaun bank KKSAH.
 - (e) Bendahari KKSAH tidak dibenarkan menyimpan wang tunai ditangannya lebih dari **RM1,500.00 (Ringgit Malaysia : satu ribu lima ratus sahaja)** pada satu-satu ketika dan semua wang yang lebih dari itu hendaklah dimasukkan ke dalam bank yang telah dipersetujui oleh Ahli Jawatankuasa KKSAH. Beliau juga bertanggungjawab berkenaan dengan segala wang yang diterima. Kuasa mereka yang menandatangani cek-cek bagi pihak KKSAH adalah diluluskan oleh Ahli Jawatankuasa KKSAH.

9.6 Penolong Bendahari KKSAH akan membantu tugas-tugas Bendahari KKSAH.

- 9.7 Wakil Zon membantu kerja-kerja Ahli jawatankuasa kecil di Zon masing-masing.

FASAL 10 MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN

- 10.1 Mesyuarat Agung Tri Tahunan KKSAH akan diadakan **sekali dalam 3(tiga) tahun selewatnya pada 31 Mac di akhir tahun ketiga** atau tarikh ditentukan oleh Ahli Jawatankuasa kecil KKSAH. Notis Mesyuarat, minit mesyuarat tahunan, laporan tahunan semasa, penyata kira-kira semasa (seperti disebut dalam Fasal 9, Perkara 9.5iii(b)) yang telah diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira hendaklah diedarkan kepada semua ahli.
- 10.2 Perkara-perkara yang hendak diuruskan dalam Mesyuarat Agung TRI Tahunan ialah :
- (a) Mengesahkan minit mesyuarat yang lalu.
 - (b) Menerima laporan tahunan KKSAH.
 - (c) Menerima penyata kira-kira KKSAH yang bermula 1hb Januari dan berakhir pada 31 Disember.
 - (d) Melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil, Pemeriksa Kira-kira dan wakil Zon untuk tiga sesi berikutnya.
 - (e) Membincang dan meluluskan usul-usul dan hal-hal lain.

FASAL 11 MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL

- 11.1 Mesyuarat jawatankuasa kecil hendaklah diadakan sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan sekali** dan boleh diadakan pada bila-bila masa, jika difikirkan perlu oleh Pengerusi KKSAH.
- 11.2 Notis dan agenda untuk mesyuarat jawatankuasa kecil hendaklah dimaklumkan kepada semua ahli jawatankuasa **sekurang-kurangnya 5 hari sebelum tarikh mesyuarat.**
- 11.3 Jawatankuasa kecil KKSAH akan mentadbir KKSAH setiap masa dan boleh membuat keputusan dan melaksanakan apa-apa keputusan yang tidak bertentangan dengan undang-undang, keputusan ahli jawatankuasa kecil dan Mesyuarat Agung Tri Tahunan.

FASAL 12 PEMERIKSA KIRA-KIRA

Dua orang yang bukannya ahli-ahli jawatankuasa hendaklah dilantik didalam Mesyuarat Agung Tri Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-kira KKSAH dan akan berkhidmat selama dua tahun. Mereka dikehendaki memeriksa Penyata Kira-kira KKSAH bagi setahun dan membuat laporan untuk Mesyuarat Agung Tri Tahunan. Mereka boleh juga memeriksa penyata Kira-kira KKSAH pada bila-bila masa juga jika difikirkan perlu oleh Pengerusi KKSAH.

FASAL 13 PERKARA AM

- 13.1 Seseorang ahli boleh menamakan sebagai orang yang akan menerima wang bantuan daripada golongan yang disebutkan ini, suami, isteri, anak, ibu, bapa dan **waris terdekat** yang tinggal bersama ahli.
- 13.2 Tiap-tiap ahli hendaklah **diberi dengan percuma satu salinan Peraturan-Peraturan KKSAH** apabila diterima menjadi ahli.
- 13.3 Buku-buku berkenaan KKSAH ini dan buku daftar ahli boleh diperiksa oleh sebarang ahli dengan syarat memberitahu Setiausaha 5 hari terlebih dahulu.
- 13.4 Mana-mana ahli yang ada kemusykilan terhadap mana-mana pegawai KKSAH boleh mengemukakan kemusykilannya didalam Mesyuarat Agung Tri Tahunan atau kepada Pengerusi KKSAH.
- 13.5 Sesuatu perbelanjaan yang tidak lebih daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja) boleh dibenarkan oleh Bendahari KKSAH bersama-sama dengan Pengerusi KKSAH atau Setiausaha KKSAH. Sesuatu perbelanjaan yang lebih daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja) tidak boleh dilakukan sebelum diluluskan terlebih dahulu oleh mesyuarat jawatankuasa kecil KKSAH. Bagaimanapun pembayaran bantuan yang ditetapkan dalam Fasal (7) diatas tidak tertakluk kepada sekatan ini dan boleh dibayar seterusnya jika syarat-syarat mendapatkan bantuan telah disempurnakan.

- 13.6 Ahli jawatankuasa kecil dan ahli-ahli yang sengaja melanggar Peraturan-peraturan KKSAH atau berkelakuan tidak senonoh sehingga mencemarkan nama baik atau mendatangkan kerugian kepada KKSAH, boleh dipecat daripada menjadi ahli oleh mesyuarat jawatankuasa kecil. **Sebelum dipecat ahli itu mestilah diberitahu dengan bertulis tentang sebab-sebab dia hendak dipecat dan diberi peluang untuk memberi apa-apa penjelasan yang ada dengan bertulis atau dengan menghadiri mesyuarat jawatankuasa kecil yang diadakan khas untuknya. Jika 2/3 ahli-ahli jawatankuasa yang hadir dalam mesyuarat mengundi menyokong pemecatan maka ahli itu dipecat dengan serta merta.** Walaupun demikian ahli itu boleh, jika tidak puas hati, merayu kepada Mesyuarat Agung Tri Tahunan menurut ceraiian (4) diatas.
- 13.7 **Sesiapa yang ingin berhenti menjadi ahli KKSAH dikehendaki memberi notis bertulis 14 hari** terlebih dahulu kepada Setiausaha KKSAH serta menjelaskan sepenuhnya segala hutang piutangnya. Jika hutang piutang tersebut gagal dibayar balik, KKSAH berhak menuntut keseluruhan jumlah hutang yang tertunggak dari bekas ahli atau waris si-mati dan mengambil langkah-langkah perlu untuk mendapatkan kembali hutang piutang berkenaan daripada waris.
- 13.8 Mana-mana AJK KKSAH dilarang dilantik / memegang mana-mana jawatan di dalam mana-mana organisasi semasa beliau masih memegang jawatan dalam KKSAH.

FASAL 14 TAFSIRAN

Dalam tempoh antara berlangsungnya dua Mesyuarat Agung Tri Tahunan, mesyuarat jawatankuasa kecil boleh memberi tafsiran dan memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam Peraturan-Peraturan ini. Keputusan jawatankuasa kecil itu adalah muktamad jika tidak atau sehingga diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung Tri Tahunan atau Ahli Jawatankuasa KKSAH.

FASAL 15 PINDAAN PERATURAN-PERATURAN

Segala pindaan kepada peraturan-peraturan KKSAH hendaklah diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Tri Tahunan oleh ahli-ahli yang hadir dengan suara terbanyak.

FASAL 16 PERTUKARAN NAMA KKSAH

Nama KKSAH ini tidak boleh diubah melainkan dengan suatu ketetapan khas oleh Ahli Jawatankuasa KKSAH.

FASAL 17 PEMBUBARAN

KKSAH ini tidak boleh dibubar melainkan dengan persetujuan Ahli Jawatankuasa KKSAH atau dalam mesyuarat yang diadakan khas untuknya. Apabila keputusan telah diambil untuk membubar KKSAH, maka segala hutang piutang yang sah hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah dibahagi-bahagikan mengikut keputusan Mesyuarat Khas.

FASAL 18 ASET DAN PEMEGANG AMANAH

Pada setiap masa. KKSAH adalah berhak dan memegang **HAKMILIK kepada semua harta/aset**, dalam apa bentuk sekali pun, yang diperolehi daripada pihak ketiga, samaada ianya diperolehi dengan pembelian, sumbangan percuma, hadiah/saguhati atau dibeli dengan biayaan KKSAH. KKSAH berhak menjual dan/atau melupuskan sebahagian atau keseluruhan dan/atau segala harta/aset dengan cara yang wajar yang dicadangkan oleh **pengamanah KKSAH**.

Diluluskan oleh



(Tn Hj Wahab bin Saad)
Pengerusi KKSAH,
Surau Al-Hidayah Taman Sri Endah
Bandar Baru Sri Petaling,
Kuala Lumpur.